



722 graduan UMP terima ijazah, diploma

SERAMAI 722 graduan Universiti Malaysia Pahang (UMP) menerima diploma dan ijazah mereka dalam upacara konvokesyen yang diadakan di Dewan Jubli Perak Sultan Ahmad Shah semalam.

Daripada jumlah itu, 289 siswazah menerima diploma manakala 428 merupakan penerima ijazah sarjana muda peringkat pertama.

Menurut Naib Canselor, Datuk Dr Mohamed Said Mat Lela, majlis kali ini turut menyaksikan 5 pelajar pasca siswazah sulung UMP turut menerima ijazah masing-masing.

Dalam ucapannya, Datuk Dr Mohamed Said berharap graduan akan dapat

memanfaatkan setiap ilmu yang mereka peroleh semasa di UMP untuk meningkatkan lagi kualiti diri dan membantu perkembangan hidup bermasyarakat.

"Kejayaan siswazah hari ini merupakan cerminan kepada tahap profesionalisme dan kualiti program pengajian serta budaya di UMP sendiri. Aliran humanistik atau kemanusiaan pula dengan pendirian bahawa pendidikan tiada hubungan dengan proses membekalkan kemahiran khusus perlu diteliti kembali," katanya.

Matlamat pendidikan dalam penghasilan insan seimbang penting untuk mendukung perpaduan dan integrasi nasional.



Tengku kepada

Abdullah menyampaikan anugerah kecemerlangan salah seorang pelajar pada majlis konvokesyen, semalam